

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (SENTRAL)

TARIKH: 28 JULAI 2017

MUKA SURAT: 36

## KPKT paksa kerajaan negeri henti urus: Hian Wah

SHAH ALAM

- Kerajaan negeri mendakwa mereka dipaksa Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) agar tidak meneruskan pengurusan Stesen Pemindahan Sisa Pepejal di Seksyen 21, di sini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru, Ean Yong Hian Wah berkata, kenyataan Menteri KPKT, Tan Sri Noh Omar dalam akhbar semalam adalah satu pembohongan.

"Saya nasihatkan Noh jangan guna taktik kotor memburukkan kerajaan Selangor," katanya kepada *Sinar Harian* menerusi *WhatsApp*, semalam.



HIAN WAH

Difahamkan satu sidang media akan diadakan dalam masa terdekat oleh Hian Wah bagi memperjelas keadaan sebenar.

Terdahulu, KPKT memakumkan akan mengambil alih pengurusan Stesen Pemindahan Sisa

Pepejal di Seksyen 21, di sini berikutan kegagalan kerajaan Selangor menguruskannya dengan baik.

Noh berkata, tindakan kerajaan negeri yang mempertikalkan surat tidak sambung kontrak bagi pengurusan di stesen berkenaan bersifat politik.

"Kerajaan negeri juga bawa perkara itu ke mahkamah sebelum Mahkamah Tinggi Shah Alam memutuskan KPKT lebih berhak," katanya.